



14 NOV, 2024

Ikrar rokok RM4.48j sebagai kotak kertas

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Keseluruhan 5.82 juta rokok ditutup dengan selimut Ikrar rokok RM4.48j sebagai kotak kertas

Oleh KAMARIAH KHALIDI

SEPANG – Ikrar rokok sebagai papan pemotong, kotak dan beg kertas tidak dapat mengaburi mata Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah apabila berjaya menumpaskan penyeludupan rokok bernilai RM4.48 juta pada hujung September hingga Oktober lalu.

Selain itu, penyeludup juga cuba mengaburi pihak berkuasa dengan meletakkan bungkus rokok bersama surat khabar lama dan selimut untuk mengelak daripada dikesan pihak berkuasa.

Penolong Ketua Pengarah Kastam JKDM Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, tiga daripada kes berkenaan dikesan di kawasan Zon Perdagangan Bebas (FCZ) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), sementara dua lagi kes masing-masing di Pelabuhan Barat,

Pelabuhan Klang dan sebuah gudang di Selat Klang Utama.

Kata beliau, secara keseluruhan pihaknya merampas sejumlah 5.82 juta batang rokok putih pelbagai jenama yang bernilai RM576,448 dengan anggaran selepas cukai RM3.89 juta.

“Pada 27 September lalu, sepasukan anggota Operasi Kastam Bahagian Penguatkuasaan Zon Tengah Unit III telah menjalankan pemeriksaan ke atas sebuah gudang di Selat Klang Utama dan menemui sejumlah 960,000 batang rokok putih.

“Menerusi operasi tersebut, pasukan operasi turut menahan seorang lelaki tempatan berusia 38 tahun dan siasatan mendapati kesemua rokok putih itu dipercayai disimpan secara sementara di gudang berkenaan.

“Ia sebelum dihantar ke lokasi berbeza di Semenanjung menggunakan lori syarikat penghantaran,” katanya me-

nerusi sidang akhbar di sini semalam.

Norlela berkata, seterusnya pemeriksaan harian yang dilakukan oleh anggota JKDM ke atas tiga buah Cargo Terminal Operator (CTO) di FCZ KLIA pada 2 dan 7 Oktober lalu menemui sejumlah 752,200 batang rokok putih yang dipercayai untuk dieksport ke rantau Oceania dan Eropah berdasarkan penemuan alamat destinasi akhir pada dokumen.

Jelasnya, operasi yang dijalankan pada 16 Oktober lalu berjaya membawa kepada penemuan 4.16 juta batang rokok putih di dalam sebuah kontena di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang.

Kata beliau, rokok putih yang dirampas itu dipercayai untuk diimport masuk ke dalam negara ini berdasarkan alamat destinasi akhir pada dokumen *Bill of Lading* yang ditemui.



NORLELA menunjukkan barangan rampasan penyeludupan rokok putih di Bangunan Pentadbiran AMC KLIA di Sepang semalam.



14 NOV, 2024

Ikrar rokok RM4.48j sebagai kotak kertas

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Keseluruhan 5.82 juta rokok ditutup dengan selimut

SEPANG - Ikrar rokok sebagai papan pemotong, kotak dan beg kertas tidak dapat mengaburi mata Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah apabila berjaya menumpaskan penyeludupan rokok bernilai RM4.48 juta pada hujung September hingga Oktober lalu. Selain itu, penyeludup juga cuba mengaburi pihak berkuasa dengan meletakkan bungkus rokok bersama surat khabar lama dan selimut untuk mengelak daripada dikesan pihak berkuasa.